

Berpada-pada jika mahu bergurau

AWAL bulan ini netizen dikejutkan dengan satu rakaman video yang memaparkan detik cemas seorang kanak-kanak lelaki terperangkap di dalam mesin basuh di sebuah dobi layan diri di Rawang, Selangor.

Rata-rata netizen mengecam tindakan bapa saudara mangsa yang tergamak meletakkan mangsa ke dalam mesin tersebut biarpun niatnya hanya untuk gurauan semata-mata.

Selasa lalu, lelaki berusia 27 tahun itu mendapat pengajaran paling berharga dalam hidupnya selepas didakwa di Majistret Kuala Kubu Bharu atas tuduhan membahayakan keselamatan kanak-kanak berkenaan.

Penganalisis sosial, Dr. Wan Ibrahim Wan Ahmad berkata, insiden itu boleh dijadikan pengajaran kepada masyarakat untuk sentiasa berwaspada dalam setiap tindakan yang diambil.

“Perbuatan itu mungkin dianggap sebagai gurauan pada awalnya namun bertukar sebaliknya apabila pintu mesin basuh itu terkunci dan gagal dibuka.

“Mujurlah, insiden itu tidak melibatkan sebarang kecederaan atau kematian, jika tidak ia pasti memberikan trauma lebih besar kepada keluarga mangsa,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau yang juga merupakan mantan Prof. Madya di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial dan Dasar, Universiti Utara Malaysia memberitahu, gurauan atau usikan merupakan lumrah dalam kehidupan manusia.

Ini kerana katanya, ia bukan sahaja mampu memberikan kegembiraan kepada seseorang malah mampu menceriakan keadaan atau suasana.

“Tidak salah kita bergurau atau mengusik seseorang tetapi ia mestilah mempunyai batas-batas tertentu dan tidak



“Tidak salah kita bergurau atau mengusik seseorang tetapi ia mestilah mempunyai batas-batas tertentu dan tidak keterlaluan.

keterlaluan.

“Kita perlu ingat tidak semua perkara boleh dijadikan bahan gurauan kerana sifat atau personaliti seseorang individu itu adalah berbeza.

“Selain itu, kita kena kaji juga senario atau budaya setempat kerana dikhuatiri ia akan menyentuh sensitiviti kaum atau masyarakat,” ujarnya.

Sementara itu, **Penyarah Kanan di Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Roslan Rosnon** berkata, di Barat, perbuatan mempersenda, usikan atau melakukan tipu helah terhadap seseorang dianggap

sebagai sesuatu yang melucukan.

Disebabkan itu, katanya, banyak program televisyen berkonsepkan sedemikian seperti *American Funiest Home Video*, *Just for Laugh* dan *Punk'd* pantas meraih populariti seluruh dunia di termasuk di Malaysia.

“Sekali imbas, ia memang nampak lucu dan menghiburkan namun jika diperhalusi kandungannya jelas bertentangan dengan nilai dan budaya Timur yang diamalkan di negara ini sejak sekian lama,” katanya.


Tambah Mohd. Roslan, apa yang dibimbangkan trend tersebut kini mula menular dalam masyarakat khususnya belia dan remaja menerusi media massa dan media-media konservatif yang lain.

“Sekarang ini sudah ada produksi tempatan yang cuba meniru idea tersebut menerusi beberapa program yang pernah disiarkan di kaca televisyen.

“Malah, terdapat sebuah stesen radio popular tempatan turut menghasilkan program bersifat gurauan dan usikan ini sebagai salah satu strategi pemasaran untuk menarik rating dan pendengar,” ujarnya.



KEHEBATAN SEKEPING FOTO



AFP

SEORANG askar berehat seketika untuk makan selepas bertungkus-lumus membersihkan sebatang jalan yang ditenggelami lumpur akibat banjir kilat di Sant Llorenç des Cardassar, Sepanyol kelmarin.